



PROGRAM SIJIL PEMBANTU PERPUSTAKAAN

ANJURAN



Persatuan Pustakawan Malaysia



Perpustakaan Negara Malaysia

PROGRAM SIJIL PEMBANTU PERPUSTAKAAN

PENDAHULUAN

Pembantu Perpustakaan merupakan kumpulan tenaga kerja terbesar untuk perkhidmatan perpustakaan di Malaysia, dengan SPM sebagai kelayakan masuk jawatan. Pengetahuan dan kemahiran tugas yang diperlukan diperolehi daripada pengalaman dan pendedahan di tempat kerja dan peluang latihan yang disediakan oleh jabatan masing-masing. Program di luar jabatan untuk latihan khusus tugas perpustakaan adalah terhad.

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) bersama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengambil inisiatif menawarkan Program Sijil Pembantu Perpustakaan bagi menampung program latihan peringkat kakitangan sokongan. Dalam mencapai objektif memajukan perpustakaan dan kadar celik maklumat, pembangunan profesionalisma perpustakaan di Malaysia perlu memberi perhatian kepada kompetensi kakitangan dengan lebih menyeluruh. Dengan sekian tahun pengalaman sebagai penyedia kursus yang utama bagi kemahiran kepustakawanan untuk kakitangan tidak terlatih, PPM dan PNM, dengan sokongan perpustakaan-perpustakaan utama di Malaysia berusaha membangunkan kandungan kursus yang berkaitan dan bersesuaian. Program sijil ini akan dilaksanakan secara modular.

OBJEKTIF

Program Sijil Pembantu Perpustakaan bertujuan menyediakan kakitangan separa profesional serta kakitangan sokongan untuk bertugas di perpustakaan, Pusat Sumber serta institusi Maklumat. Bidang latihan akan lebih menekankan kepada tugas jawatan yang melibatkan pentadbiran, pengurusan koleksi, pelayanan pembaca dan penyelenggaraan perkhidmatan.

Program ini disasarkan kepada mereka yang bekerja di Perpustakaan, Pusat Sumber serta institusi Maklumat yang ingin meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang kepustakawanan. Penawaran kursus ini bertujuan:

- Memperkenalkan prinsip-prinsip serta peranan maklumat dalam masyarakat
- Mewujudkan kesedaran kepada kehadiran pelbagai sumber maklumat
- Memperkembangkan kemahiran menggunakan pelbagai sumber maklumat bagi menyediakan perkhidmatan rujukan dan maklumat yang berkesan
- Membekalkan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan untuk mengakses, mendapat kembali, menyusun serta menyebarkan maklumat dalam pelbagai bentuk
- Membekalkan pengetahuan mengenai kaedah pengurusan masa kini bagi penilaian keperluan, perancangan, penyusunan, pemasaran dan penyediaan perkhidmatan maklumat
- Membekalkan pengetahuan mengenai teknologi kontemporari yang boleh digunapakai dalam sistem dan perkhidmatan maklumat
- Menerapkan kompetensi asas dan meningkatkan kompetensi baru di kalangan pembantu perpustakaan

KEPERLUAN PENYERTAAN

- Minima lulus SPM dan pengalaman kerja yang berkaitan seperti berikut: **ATAU**

Modul	Tahun Perkhidmatan
1	2 – 3
2	3 – 5
3 & 4	5 tahun ke atas

- STPM dengan 2 prinsipal dan 2 tahun pengalaman bekerja, **ATAU**
- Keutamaan diberikan kepada mereka yang bekerja di perpustakaan.

YURAN KURSUS

Yuran setiap modul adalah RM600.00 seorang (Ahli PPM) dan RM700 seorang (Bukan Ahli PPM). Jumlah yuran keseluruhan program ini adalah RM2,400.00 (Ahli PPM) dan RM2,800.00 (Bukan Ahli PPM).

MODUL

Modul-modul dirancang dan disusun mengikut kepentingan supaya ianya merangkumi bidang amalan sains perpustakaan. Berikut adalah modul yang dicadangkan.

MODUL	
Modul 1 : Pengenalan kepada Perpustakaan dan Pembinaan Koleksi / Perolehan Bahan	
Lulus – Sijil Modul 1	Tidak lulus – Sijil Penyertaan
Modul 2 : Pengkatalogan dan Pemprosesan Bahan	
Lulus – Sijil Modul 2	Tidak lulus – Sijil Penyertaan
Modul 3 : Perkhidmatan Pelanggan dan Rujukan, Literasi Maklumat	
Lulus – Sijil Modul 3	Tidak lulus – Sijil Penyertaan
Modul 4 : Pemeliharaan dan Pemuliharaan	
Lulus – Sijil Modul 4	Tidak lulus – Sijil Penyertaan
SIJIL PEMBANTU PERPUSTAKAAN	

KAEDAH PENGURUSAN

PPM mengendalikan keseluruhan program, menyediakan modul serta hal ehwal logistik perjalanan kursus dan melantik Fasilitator dan Panel Penilai. Fasilitator menyediakan nota kursus, soalan peperiksaan, soalan kuiz serta melaksanakan pembelajaran dan penilaian.

PENILAIAN

- Setiap modul terdapat Penilaian untuk peserta layak menerima Sijil Lulus mengikut Modul.
- Jika tidak lulus, peserta hanya menerima Sijil Penyertaan.
- Kaedah Penilaian setiap modul: 70% Peperiksaan dan 30% Penilaian berterusan.
- Peserta boleh mengumpul Sijil Lulus keempat-empat Modul untuk mendapatkan Sijil Pembantu Perpustakaan.
- Markah lulus adalah 50.
- Markah Lulus dengan Cemerlang adalah 80 ke atas.
- Kertas soalan peperiksaan ditapis oleh Panel Penilai yang dilantik oleh PPM.

RINGKASAN MODUL

MODUL 1: PENGENALAN KEPADA PERPUSTAKAAN DAN PEMBINAAN KOLEKSI / PEROLEHAN BAHAN

- Definisi dan jenis bahan
- Fungsi dan jenis perpustakaan
- Struktur organisasi perpustakaan
- Pengenalan kepada Sistem Perpustakaan Berkomputer
- Definisi pembinaan koleksi dan perolehan
- Kaedah perolehan bahan – belian, hadiah, pertukaran
- Pemilihan dan pembelian bahan
- Jenis pesanan
- Proses penerimaan dan pembayaran
- Tatacara Kewangan
- Penilaian pembekal
- Akta yang berkaitan dengan perpustakaan

Kaedah Penilaian: 70% Peperiksaan dan 30% Penilaian berterusan

Fasilitator: Hasnita Ibrahim & Rohaya Umar

MODUL 2 : PENGKATALOGAN DAN PEMROSESAN BAHAN

- Definisi pengkatalogan dan pengkelasan
- Rekod bibliografi
- Format dan kod pengkatalogan
- Pengkatalogan deskriptif
- Kawalan autoriti dan pengurusan katalog
- Format bibliografi MARC mengikut bahan
- Pengenalan kepada tajuk perkara dan pengkelasan
- Pembinaan nombor panggilan
- Proses fizikal bahan
- Pengindeksan

Kaedah Penilaian: 70% Peperiksaan dan 30% Penilaian berterusan

Fasilitator: Balqis Suja' & Ahmad Junaidi Tajuddin

MODUL 3 : PERKHIDMATAN PELANGGAN, RUJUKAN DAN LITERASI MAKLUMAT

- Definisi sirkulasi dan perkhidmatan pelanggan
- Penyusunan bahan
- Pendaftaran ahli perpustakaan
- Pinjaman/Pemulangan
- Pembaharuan/Tempahan
- Denda
- Pinjaman di antara perpustakaan
- Penghantaran dokumen
- Definisi Rujukan
- Jenis perkhidmatan rujukan (temu bual meja rujukan, orientasi perpustakaan dll.)
- Jenis Rujukan (Asas & Lanjutan)
- Jenis sumber rujukan (Primer, sekunder, tertiar)
- Ciri-ciri perkhidmatan rujukan (e.g mesra, informatif dll.)
- Kegunaan perkhidmatan rujukan (e.g faedah kepada pelanggan dan kakitangan)
- Komunikasi dan pemasaran koleksi/Perkhidmatan
- Promosi melalui Laman Sesawang dan media sosial
- Perkhidmatan pendidikan pengguna
- Pameran

Kaedah Penilaian: 70% Peperiksaan dan 30% Penilaian berterusan

Fasilitator: Siti Sumaizan Ramli & Shamsiah Abu Bakar

MODUL 4 : PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN

- Definisi
- Konsep dan matlamat pemeliharaan
- Persekitaran penyimpanan bahan
- Peralatan pemeliharaan
- Kaedah pemeliharaan
- Kaedah pemuliharaan

Kaedah Penilaian: 70% Peperiksaan dan 30% Penilaian berterusan

Fasilitator: Noor Lela Osman & Mohd Firdaus Mat Desa

BIODATA FASILITATOR

MODUL 1

Hasnita Ibrahim

M.L.I.S (UM), B.Lib.Sc. (UiTM)

Pengurus Maklumat

Pusat Maklumat & Perpustakaan Berita (InfoLibNews)

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)

Hasnita pernah bertugas di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) (1995-2000) sebagai pegawai gunasama Perpustakaan Negara Malaysia. Sepanjang pengalaman lebih 19 tahun, beliau telah mengendalikan latihan penggunaan bahan perpustakaan, sistem perpustakaan berkomputer, pembangunan Portal, projek Digital, projek CD ROM Tun Dr. Mahathir, projek menaiktaraf perpustakaan, projek KIK, penyediaan dokumen Kualiti serta Fail Meja, aktiviti pameran dan pelbagai aktiviti galakan penggunaan perpustakaan. Telah membentang lebih daripada 10 kertas kerja yang berkaitan dengan digitasi, penggunaan ICT, aktiviti galakan penggunaan/ mempromosi perpustakaan, amalan terbaik di perpustakaan dan menghasilkan artikel dalam Jurnal PPM, Buku Peringatan, Buletin PPM dan Buletin InfoLibNews *Alert*. Beliau merupakan Ahli Majlis PPM dan menyandang jawatan sebagai Naib Presiden 1. Pernah menjadi Pengerusi kepada Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Khusus (SLC), PPM selama lebih dari 10 tahun sehingga 2014, yang mana beliau telah banyak mengendalikan dan terlibat dengan penganjuran lawatan digital/penandaarasan, seminar, bengkel, persidangan, penerbitan 2 buah buku dan aktiviti dalam bidang kepustakawanan. Pernah menjadi penceramah dan fasilitator berkaitan perpustakaan. Dua kali mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (2005 dan 2010) dan pernah dianugerahkan sebagai Pustakawan Harapan PPM (2008). Pernah menghadiri CONSAL di Singapore (2000) serta Bali (2012), IFLA di Lyon (2014) dan menghadiri seminar/bengkel/persidangan di peringkat organisasi dan kebangsaan.

Rohaya Umar

MSc. IT (UPM), Postgrad. DLIS (UiTM), Sm.Peng. Isl. (UKM)

Timbalan Ketua Pustakawan Kanan merangkap Ketua

Perpustakaan Dr. Abdul Latiff UKM Kampus Kuala Lumpur

Universiti Kebangsaan Malaysia

Rohaya merupakan Timbalan Ketua Pustakawan Kanan dan merangkap Ketua di Perpustakaan Dr. Abdul Latiff UKM Kampus Kuala Lumpur. Beliau telah bertugas di Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM selama 23 tahun yang mana sebelum ini pernah bertugas di Bahagian Koleksi Arab dan Tamadun Islam; Bahagian Dokumentasi; Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat; dan Bahagian Perkhidmatan Pelanggan. Pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 1999 dan 2005. Rohaya telah menghadiri seminar, persidangan dan bengkel di dalam dan luar negara. Di antara persidangan luar negara yang dihadiri ialah IFLA di Singapura (2013) dan CONSAL di Hanoi (2009) dan di Bali (2012). Selain itu Rohaya juga pernah mengikuti VTLS International Users' Group Meeting di University of Tennessee, Chattanooga, Amerika Syarikat (2006). Beliau pernah membentang kertas kerja di Seminar Kepustakawanan 2013 anjuran UNIMAS dan menjadi pengarang bersama untuk kertas kerja yang dibentang di Conference on Academic Librarian di Hong Kong. Kertas kerja ini telah diterbitkan dalam jurnal "Library Management". Rohaya juga pernah menjadi penceramah dan fasilitator dalam kursus yang dianjurkan oleh Perpustakaan UKM dan PPM. Rohaya aktif dalam PPM sejak tahun 2008 sebagai Juruaudit dan bermula pada tahun 2012 sehingga kini, beliau merupakan Bendahari Kehormat PPM.

MODUL 2

Balqis Suja'

MLIS (IIUM), B.Lib.Sc. (UiTM), Dip. P'urusan P'bandingan & Dip. Undang-undang P'bandingan (IPI)

Pustakawan Utama

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Sejak memulakan karier sebagai pustakawan pada tahun 1989 dan bermula di IIUM akhir 1991, Balqis telah bertugas di bahagian operasi perkhidmatan pengguna dan teknikal, dengan sebahagian besarnya di bahagian pengkatalogan. Bidang *Library and Information Science* (LIS) yang diminatinya ialah pengkatalogan dan sistem perpustakaan dan maklumat Islam. Sumbangannya terhadap profesion dizahirkan dengan beberapa pembentangan kertas kerja, penulisan artikel, peranan sebagai pemudahcara subjek pengkatalogan dan pengkelasan (terutamanya berkenaan bahan penerbitan kerajaan dan bahan Islam) serta pengindeksan. Perluasan skim pengkelasan LCC bagi undang-undang Islam yang dihasilkannya pada tahun 1993 masih digunapakai oleh beberapa perpustakaan di Malaysia yang belum beralih kepada *LCC: subclass KBP - Islamic law* (2005), oleh Library of Congress. Perkhidmatannya di PPM adalah sebagai Ahli Majlis (2008-2014), Setiausaha Kehormat (2012-2014) dan Pengerusi juga pengasas Kumpulan Perpustakaan Islam PPM (2005). Buku yang dihasilkan beliau ialah *Subject Headings on Islam and the Muslims: a Compilation According to LCSH* (2011), diterbitkan oleh IIUM Press; dan penerbitan oleh Read Resources berjudul *Islamic Librarianship and Malaysian Islamic Libraries* (2012) yang dinilai 5-bintang oleh Berita Harian 24 Ogos 2012 (Ruangan sastera).

Ahmad Junaidi bin Tajuddin

B.Lib.Sc. (UiTM)

Pustakawan Kanan

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Pengalaman panjang Ahmad Junaidi dalam bidang kepustakawanan selama 30 tahun meliputi jawatan Kerani / Pembantu Perpustakaan di UIAM selama dua tahun (1983-1985), sebelum berhenti bagi menyambung pelajaran dalam bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat di UiTM. Setelah tamat pengajian, beliau bekerja sementara sebagai penolong pegawai di beberapa perpustakaan syarikat swasta. Pada 10 April 1992 beliau menerima tawaran jawatan tetap sebagai Penolong Pegawai Perpustakaan (S5) di Pustaka Peringatan Kuala Lumpur (sekarang Perpustakaan Kuala Lumpur), sebuah perpustakaan di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kemudian, pada 1 April 1995 beliau berkhidmat sebagai Pustakawan (S3) di Perpustakaan Pusat Latihan Keretapi Tanah Melayu Berhad. Kerjaya beliau meningkat apabila kembali ke UIAM pada 1 Ogos 1998 sebagai Pustakawan (S41) dan kini Pustakawan Kanan (S44) mulai Januari 2012. Penglibatan beliau sebagai penceramah / fasilitator termasuklah pada program *In-house training on Cataloguing of Multimedia Materials* (2009, UIAM Kuantan); *Train The Trainer: Cataloguing Workshop for IIUM Library Liaison Officer* (2011); *Descriptive Cataloguing Based on AACR2R* (2011, UIAM); *Multimedia Cataloging & Handling Workshop* (2011, UIAM); *Cataloguing of Print and Non-print Cartographic Resources Workshop* (2011, PETROLEUM Resource Centre); Bengkel Pengkatalogan Bahan-Bahan Multimedia dan Kartografi (2013, UiTM); dan Kursus Asas Pembantu Perpustakaan / Pusat Maklumat (2013, PPM). Pengalaman beliau dalam askar wataniah sebagai leftenan membantu menjadikan beliau pengkatalog yang kredibel di Malaysia bagi bahan peta.

MODUL 3

Siti Sumaizan Ramli

Postgrad. DLIS (UiTM), BSc. (Hon) Microbiology (UKM)

Timbalan Ketua Pustakawan Kanan

Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia

Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Siti Sumaizan mula melapor diri untuk berkhidmat di Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB), UPSI pada 1 Julai 2011. Sebelum itu bertugas di Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA), UNIMAS sejak September 1993 dan di Perpustakaan UPM (1989-1993). Di PTB, UPSI, beliau bertanggungjawab dalam perancangan, pengurusan dan latihan, sistem penyampaian dan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat. Siti Sumaizan menerajui pembangunan sistem perpustakaan di UNIMAS, Sarawak dan telah mengadakan lawatan teknikal di Las Vegas dan San Francisco serta *Innovative Interfaces*, Emeryville, USA untuk sistem Millennium UNIMAS. Beliau telah menghadiri pelbagai seminar dan persidangan di dalam dan luar negara termasuk IFLA di Copenhagen (1997), Bangkok (1999) dan Boston, USA (2001); CONSAL di Bali (2012) serta OCLC di Bangkok (2013). Menjadi pengarang bersama dan pembentang kertas kerja pada persidangan *ICOLIS* (2008), Persidangan *ICOL* (2009), Seminar Kebangsaan Perpustakaan Akademik (SKPA) (2011), *Cataloging Colloquium* (2013) dan Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia (SKPM) (2013). Kertas kerja SKPM yang bertajuk 'Koleksi Nadir Perpustakaan Tuanku Bainun: Bahan Warisan Sejarah dan Rekod Perguruan yang Tidak Ternilai' telah diterbitkan di dalam Jurnal PPM vol. 7, 2013. Menjadi Ahli Majlis PPM semenjak 2012 yang menyelenggara buletin PPM dan membantu mengajurkan pelbagai program PPM.

Shamsiah Abu Bakar

B.Lib.Sc. (UiTM)

Pustakawan

Perpustakaan Universiti Malaya

Shamsiah telah bertugas sebagai Pegawai Maklumat di beberapa organisasi korporat iaitu Pacific Bank, Cooper & Lybrand dan ICM (M) Sdn Bhd. Sebagai seorang pustakawan di Perpustakaan Akademik seperti UM beliau telah bertugas di beberapa bahagian termasuk Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Pengakatalogan, Kemahiran Maklumat; Perpustakaan Peringatan Za'ba; dan Perpustakaan Khusus (Perpustakaan Alam Bina dan Kejuruteraan). Telah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UM pada tahun 2007 dan Anugerah Sijil Cemerlang UM pada tahun 2012 dan 2013. Terlibat secara aktif sebagai fasilitator, penceramah, aktiviti pameran universiti dan pengurusan acara. Beliau juga telah membentangkan kertas kerja di *International Conference on Education and New Learning Technologies* di Spain dan Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia di Melaka pada tahun 2013. Berjawatan sebagai Penolong Setiausaha dan juga menguruskan program latihan dalam PPM. Perkhidmatan selama 19 tahun dalam bidang kepustakawanan menjadikan beliau mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang kepustakawanan untuk berkongsi ilmu pengetahuan mengenai bidang yang beliau minati dan cintai ini.

MODUL 4

Noor Lela Osman

M.L.I.S (UiTM), B.Lib.Sc. (UiTM)

Pustakawan

Perpustakaan Negara Malaysia

Bertugas di Bahagian Pemuliharaan, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mulai 20 Ogos 2015. Beliau mula bertugas di PNM pada tahun 2002, mengikuti kursus Khas Pustakawan di PNM selama 3 bulan. Pernah berkhidmat di Institut Kemajuan Desa (INFRA) Bangi mulai 16 Jan. 2003 sehingga 19 Ogos 2015 sebagai pegawai gunasama Perpustakaan Negara Malaysia. Menguruskan Perpustakaan dan Galeri Desa INFRA yang mempamerkan artifak dan foto berkaitan pembangunan luar bandar. Noor Lela aktif menjalankan aktiviti mempromosi penggunaan perpustakaan.

Mohd Firdaus bin Mat Desa

STPM

Pembantu Pemuliharaan

Perpustakaan Negara Malaysia

Mula bertugas di Bahagian Pemuliharaan, Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 2006 sehingga sekarang. Beliau merupakan penceramah sambilan bagi modul Pemuliharaan dan Penjilidan Bahan Perpustakaan di Perpustakaan Negara Malaysia dan juga merupakan penceramah jemputan di Politeknik, Institut Pendidikan Guru dan juga aktiviti luar anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dan agensi luar.

JAWATANKUASA KERJA

Penasihat: - Dato' Nafisah Ahmad – Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

- Dr. Nor Edzan Che Nasir – Universiti Malaya (UM)

- Dr. Basri Hassan – Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Penilai: - Encik Mohd Zaihan Hussin – Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Penyelaras: - Puan Hasnita Ibrahim – PPM/Bername

Fasilitator:

Modul 1

1. Puan Hasnita Ibrahim – Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama)

2. Cik Rohaya Umar – Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Modul 2

3. Puan Balqis Suja' - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

4. Encik Ahmad Junaidi Tajuddin - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Modul 3

5. Puan Shamsiah Abu Bakar – Universiti Malaya (UM)

6. Puan Siti Sumaizan Ramli – Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Modul 4

7. Puan Noor Lela Osman – Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

8. Encik Mohd Firdaus Mat Desa – Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

Kemaskini: Februari 2017